

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 14/03/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 45  
Tajuk : ANGKASA mahu bantu koperasi Arab Saudi

## Angkasa mahu bantu koperasi Arab Saudi

SEREMBAN - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) sedia berkongsi pengalaman bagi membantu mewujudkan kira-kira 2,000 koperasi di Arab Saudi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia berikutan peluang yang ditawarkan Majlis Koperasi Arab Saudi kepada negara-negara Islam yang disuarakan sewaktu Mesyuarat Asia Barat dan Afrika Utara di Maghribi, baru-baru ini.

"Majlis Koperasi Arab Saudi dalam perancangan untuk menubuhkan

kira-kira 2,000 koperasi di negara berkenaan yang mana kerajaannya menyediakan peruntukan kira-kira RM13 bilion.

"Peranan yang kita boleh berikan ialah berkongsi pengalaman untuk bantu penubuhan koperasi di sana, selain mengadakan ikatan perniagaan antaranya dalam bidang pengurusan haji dan pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Angkasa peringkat Negeri Sembilan di sini semalam yang dihadiri seramai 259 perwakilan dari seluruh negeri. - Bernama

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA